

Universiti awam jana pendapatan sendiri

**ISMAIL
OMAR**



UNIVERSITI adalah tempat untuk membentuk dan mencorak tamadun bangsa. Bangsa yang bertamadun terbentuk daripada masyarakat yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Pencapaian ini hanya boleh dihasilkan melalui pendapatan dan perbelanjaan yang berhemah. Justeru, penjanaan pendapatan universiti perlu dijalankan sebaik mungkin. Penjanaan pendapatan menjamin kelangsungan penyelidikan dan pembangunan (R&D), khidmat masyarakat dan pengajaran dan pembelajaran (P&P) di universiti awam.

Malangnya, menurut Persekutuan Universiti Eropah (EUA), budaya memberi (untuk maksud pendidikan) masih di tahap yang rendah di seluruh universiti di Eropah. Begitu juga, dengan budaya meminta (untuk kebaikan) yang juga masih di tahap rendah. Buktinya, secara keseluruhan, tahap kedermawanan universiti-universiti di seluruh Eropah hanyalah empat peratus.

Bajet 2017 mempamer penguangan kira-kira 20 peratus (RM1.5 bilion) untuk belanja mengurus universiti awam. Penguangan bajet mengurus ini boleh mengganggu kelancaran proses P&P dan R&D. Terutama sekali, penyediaan dan penyenggaraan kemudahan yang penting bagi menjamin kelancaran proses P&P dan R&D. Universiti memerlukan peralatan yang berkualiti. Tanpa P&P yang berkualiti (melalui perolehan daripada peruntukan kewangan), bagaimanakah sesebuah universiti mampu mengeluarkan tenaga penyelidik yang berwibawa? Tanpa penyelidik berwibawa, bagaimanakah pula sebuah tamadun madani boleh diwujudkan? Justeru, sudah sampai masa universiti awam menjana pendapatan sendiri.

Nilai penyelidikan hanya dapat diserlah setelah dikomersialkan. Kita sedia maklum, Sir Richard Branson, pemilik Virgin Group telah membelanjakan kira-kira AS\$3 bilion (RM12 bilion) hanya untuk mencari sumber bahan api yang dapat menggantikan petrol. Setelah dijumpai minyak jagung



PENJANAAN pendapatan universiti perlu dijalankan sebaik mungkin bagi menjamin kelangsungan penyelidikan dan pembangunan (R&D), khidmat masyarakat dan pengajaran dan pembelajaran di universiti awam. - GAMBAR HIASAN



Tanpa P&P yang berkualiti (melalui perolehan daripada peruntukan kewangan), bagaimanakah sesebuah universiti mampu mengeluarkan tenaga penyelidik yang berwibawa? Tanpa penyelidik berwibawa, bagaimanakah pula sebuah tamadun madani boleh diwujudkan?

etanol, beliau masih tidak berpuas hati dengan kos pengeluaran yang tinggi untuk menghasilkannya.

Begitu juga dengan Sir James Watt yang mencipta enjin berkuasa tinggi untuk kenderaan. Tanpa Sir George Heriot, enjin berkenaan tidak dapat dipasarkan dan digunakan orang ramai di seluruh dunia. Von-Thunen, seorang pengkaji guna tanah bandar di Amerika Syarikat mengambil masa kira-kira 25 tahun untuk menghasilkan teori sewa dengan jarak dari pusat bandar. Teori dan prinsip yang dihasilkan daripada dapatan penyelidikan dijadikan asas untuk memajukan sesebuah negara melalui hasil penyelidikan yang disebar luas ke seluruh dunia. Justeru, sudah sampai masa universiti awam membudaya penjanaan pendapatan sendiri.

Penulis berpeluang menjadi panel pemilih untuk pencalonan pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana dan kedok-

toran baru-baru ini. Laporan menunjukkan bahawa terdapat kira-kira 1,200 calon yang akan ditaja Jabatan Perkhidmatan Awam pada 2017 untuk melanjutkan pendidikan tinggi mereka. Namun, rakyat merasakan angka ini belum mencukupi untuk menampung keperluan tenaga kerja mengikut pengkhususan seperti minyak dan gas, teknologi nano, angkasa lepas, sains polimer, kejuruteraan perabot, teknologi air, marin dan kelautan, pertahanan dan sebagainya.

Kita ingin terus maju dalam kejuruteraan kapal terbang, kereta api, marin dan perkapalan, peluru, kereta kebal, kapal selam, helikopter, tenaga solar, tenaga angin dan air dan sebagainya. Justeru, dana untuk menjalankan P&P dan R&D yang berkualiti adalah perlu untuk menghasilkan penyelidik yang berwibawa yang diperlukan negara. Sesungguhnya, tanpa penyelidik yang berwibawa, dapatan penyelidikan masih boleh dipersoalkan.

Pada 2008, semasa melaksanakan swaakreditasi bagi pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), penulis terkejut apabila mendapati sebahagian besar daripada kemudahan makmal dan peralatan berkaitan kejuruteraan kimia di sebuah universiti tempatan berada dalam keadaan yang uzur dan memerlukan modal yang besar untuk diganti segera. Bayangkanlah, apabila berlaku kerosakan sistem pendingin hawa berpusat seluruh universiti kerana sudah lama dan uzur, kuliah terganggu, perpustakaan gelap, suasana kurang selesa hinggalah ada pekerja yang jatuh sakit. Lantaran, proses pengaja-

ran dan pembelajaran akan terganggu. Untuk menyediakan kemudahan berkenaan, perbelanjaan modal dan kos penyenggaraan diperlukan.

Justeru, agensi pendidikan tinggi perlu memastikan kemudahan dan peralatan P&P dan R&D mencukupi. Jangan sampai ada universiti yang menawarkan program perubahan tanpa peralatan yang mencukupi. Jangan pula ada kolej yang menyewa peralatan moden dan canggih hanya untuk memenuhi maksud akreditasi akademik semata-mata. Dan jangan pula ada lagi pelajar universiti yang terpaksa duduk di luar bilik kuliah kerana kerusi tidak mencukupi.

Penulis berkesempatan bertemu dengan beberapa ahli akademik di Universiti Edith Cowan, Australia Barat baru-baru ini. Dengan persekitaran kampus yang indah dan mendamaikan, penulis bertanya keutamaan yang diberikan pihak universiti terhadap perkara ini. Salah seorang ahli akademik tersebut menyatakan bahawa pihak universiti sangat mengutamakan kesejahteraan penghuni kampus. Maka, penyediaan prasarana yang kondusif diberi keutamaan melalui pembinaan bangunan akademik, seni taman, laluan di sekitar kampus, hentian bas, parkir, ruang-ruang akademik, ruang sokongan, ruang pelajar dan sebagainya. Tidak hairanlah apabila kita mengunjungi kampus universiti luar negara, kita teruja dengan kemudahan yang ada.

Baru-baru ini Universiti Tun Hussein Onn di Batu Pahat, Johor membelanjakan kos yang agak tinggi untuk mengadakan program tebatan banjir di kawasan kampus mereka. Langkah ini telah dilakukan dengan membina kawasan tadahan di sekitar kampus. Strategi untuk penebatan banjir ini sangat menarik tidak ubah seperti apa yang dilakukan kerajaan Holland satu masa dahulu. Cuma kincair anginnya sahaja yang tidak kelihatan. Selain membina tadahan air bagi mengelakkan banjir, kampus universiti juga diperindahkannya. Tidak hairanlah keindahan kampus ini menjadi salah satu tarikan yang menggamit pelajar datang belajar di situ.

PROFESOR DR. ISMAIL OMAR ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.